

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

'Dibiar 11 jam sampai sawan'

- Wanita dakwa anak demam terima layanan sambil lewa
- Bayi 22 bulan disahkan dijangkiti Adenovirus

Oleh AMRAN ALI

MELAKA — Seorang wanita mendakwa anak perempuannya yang mengalami demam panas diserang sawan selepas dibiar-kan selama 11 jam sebelum di-berikan rawatan kecemasan di Hospital Melaka, Sabtu lalu.

Siti Aishah Rahim, 27, mendakwa, dia dan ibunya membawa anak sulungnya, Siti Farha Adelia Mohd. Firdaus yang berusia 22 bulan ke Jabatan Kecemasan dan Trauma sekitar pukul 2.30 petang selepas suhu badan bayi itu semakin panas.

Dakwanya, sebaik sampai di hospital, jururawat hanya mengambil darah dan tiada tindakan lanjut sehingga suhu badan anaknya mencecah sehingga 40 darjah Celsius.

"Walaupun berulang kali bertanya kepada petugas mengenai rawatan, saya hanya di-



TANGKAP layar video menyaksikan keadaan bayi berusia 22 bulan ketika menunggu rawatan di Hospital Melaka.

mintu menunggu, sehinggalah anak saya kejang akibat sawan kira-kira pukul 1 pagi keesokan harinya.

"Ketika itu, barulah anak saya dipindahkan ke zon kuning. Saya sangat terkilan bila tengok anak bertarung nyawa baru nak bertindak," dakwanya dalam hantaran video yang dimuat naik di Facebooknya.

Terdahulu, tular sebuah raka-

man berdurasi 13 minit di media sosial memaparkan bayi berkenaan yang sedang menangis kesakitan dipercayai akibat demam panas, sekali gus mencetuskan rasa simpati dan kemarahan orang ramai.

Siti Aishah turut mendakwa layanan diterima ketika di zon hijau seolah-olah sambil lewa dan tidak sensitif terhadap keadaan anak kecilnya yang kritikal.

Difahamkan, Siti Farha kini disahkan dijangkiti Adenovirus, sejenis virus yang menyerang sistem pernafasan, mata dan saluran penghadaman.

Dalam pada itu, Siti Aishah ketika dihubungi memaklumkan, anaknya masih belum stabil dan kini sedang menerima rawatan antibiotik.

"Pihak pengurusan tertinggi Hospital Melaka sudah datang melawat dan meminta maaf. Mereka juga berjanji akan siasat kejadian ini," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan negeri, Datuk Ngwe Hee Sem berkata, beliau telah menghubungi Pengarah Kesihatan Negeri, Dr. Ruzita Mustafa dan mengarahkan siasatan segera dilakukan bagi mengetahui punca sebenar kejadian.

"Kerajaan negeri memandang serius dakwaan tersebut kerana melibatkan kesihatan dan keselamatan pesakit, lebih-lebih lagi melibatkan bayi.

"Kita tidak mahu perkara seperti ini berulang dan sekiranya siasatan mendapati wujud kecuai- an, tindakan sewajarnya akan diambil," katanya semalam.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NATION

Melaka govt wants hospital to probe urgent care response

By RSN MURALI
murali@thestar.com.my

MELAKA: A directive has been issued by the state government to Hospital Melaka to investigate a claim by a mother that her baby was not given urgent treatment.

State health, human resources and unity committee chairman Datuk Ngwe Hee Sem said the directive was issued to the head of the hospital yesterday.

"I contacted the hospital director to initiate an investigation into the alleged lack of urgent treatment when the child was referred

to the hospital on May 10," said Ngwe, responding to the widely shared claim.

Ngwe, who is in Pekanbaru, Indonesia on an official visit, confirmed he had seen the video that went viral.

The baby's mother, Siti Aishah Rahim, who uploaded the video

on Facebook, claimed that she arrived at the Emergency and Trauma Department of the hospital at 2.30pm on Saturday after her 22-month-old baby, Siti Farha Adelia Mohd Firdaus, developed a fever.

"When we arrived at the hospital, the nurse took a blood sample

and we were left waiting while her body temperature rose to 38°C, 39°C and eventually 40°C.

"I kept asking for help but the only response I got was to wait, until my baby suffered a seizure at around 1am on Sunday," said the 27-year-old mother in the Facebook post.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NATION

Selangor tops HFMD cases as Malaysia sees 266% rise

PETALING JAYA: Selangor has recorded the highest number of hand, foot and mouth disease (HFMD) cases as the country sees a 266% increase in infections compared to the same period last year.

The number of HFMD cases in Malaysia has risen from 27,236 cases during the same period last year to 99,601 as of the 17th epidemiological week this year, the Health Ministry reported.

To date, no fatalities related to the disease have been reported.

"Of the total cases this year, 10,421 cases or 10% were outbreak-related, while 90% or 89,180 cases occurred sporadically," the ministry's disease control division said in a statement yesterday.

Selangor reported the highest number of HFMD cases with 27,118 cases or 27.2%, followed by Johor with 9,864 cases, Perak (9,347 cases), Kelantan (7,147 cases) and Kuala Lumpur and Putrajaya (6,850 cases). The division also found that 2,649 outbreaks have been cumulatively reported so far, an increase of 49% compared to 1,339 outbreaks during the same period in 2024.

The Health Ministry also advised parents and guardians to practice prevention measures and clean frequently-used items.

Further information on HFMD can be found at infosihat.moh.gov.my and the ministry's official Facebook page.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

Arahan klinik swasta pamer harga ubat muktamad: KKM

Penetapan bagi yuran konsultasi pengamal perubatan am dimuktamad selepas peroleh keputusan Kabinet

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) kekal dengan pemberian tempoh tiga bulan advokasi bagi pelaksanaan Perintah Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (Penandaan Harga Ubat) 2025 yang bermula sejak 1 Mei lalu.

Selaras dengan pindaan akta di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) itu, Pejabat Menteri Kesihatan memaklumkan perintah itu muktamad berikutan ia sudah dilaksanakan.

"Muktamad (1 Mei) sebab ia sudah mula dilaksanakan. Cuma ada tempoh tiga bulan advokasi untuk penguatkuasaan pendidikan (*educational enforcement*) yang juga tempoh ideal penambahbaikan serta libat urus dengan pihak berkepentingan.

"Manakala penetapan bagi yuran konsultasi pengamal perubatan am (GP) akan dimuktamadkan selepas memperoleh keputusan Kabinet," katanya kepada BH, semalam.

Pelaksanaan dasar pemaparan harga ubat di fasiliti kesihatan swasta mencetuskan perbincangan hangat dalam kalangan pelbagai pihak, khususnya apabila KKM menetapkan tarikh kuat kuasa bermula 1 Mei lalu.

Tingkat ketelusan

Langkah itu satu reformasi sektor kesihatan swasta yang bertujuan meningkatkan ketelusan,

memperkukuh hak pengguna dan memberi keupayaan kepada pesakit untuk membuat pilihan rawatan.

Bagaimanapun pelaksanaannya mendapat tentangan daripada doktor klinik swasta yang mendakwa ia tidak selari dengan realiti operasi klinik serta hospital swasta di negara itu.

Sebelum ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, pula berkata KPDN hanya bertanggungjawab terhadap paparan harga ubat itu yang tertakluk

Bayaran ubat di klinik swasta lebih mahal hingga 75 peratus



di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011.

"Paparan harga ubat ini memang di bawah KPDN, manakala yuran konsultasi di bawah akta KKM kerana sudah ada penurunan kuasa kepada KKM," katanya.

Beliau sebelum ini dilaporkan berkata penggubalan akta itu tidak tertakluk kepada sebarang pengecualian terhadap mana-mana sektor perniagaan.

Ibadat & Fadilat

Mughirah Ibnu Syu'bah RA meriwayatkan Nabi SAW pernah melakukan solat sampai bengkak kedua tumit. Lalu Baginda ditanyai orang: "Mengapa anda memaksa diri begini? Padahal Allah mengampuni segala dosa baik yang lalu maupun akan datang." Rasulullah SAW bersabda: "Tidak bolehkah aku menjadi seorang hamba Allah yang tahu bersyukur?" (HR Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:50	1:17	4:38	7:28	8:42
Alor Setar	5:51	1:17	4:38	7:28	8:42
P. Pinang	5:52	1:17	4:38	7:27	8:40
Ipoh	5:51	1:15	4:36	7:24	8:37
Kuala Lumpur	5:51	1:12	4:34	7:20	8:33
Shah Alam	5:51	1:12	4:34	7:20	8:33
Johor Bahru	5:44	1:04	4:26	7:08	8:21
Kuantan	5:45	1:07	4:28	7:13	8:26
Seremban	5:50	1:11	4:33	7:17	8:30
Bandar Melaka	5:50	1:10	4:32	7:16	8:28
Kota Bharu	5:44	1:10	4:31	7:21	8:30
K. Terengganu	5:41	1:06	4:27	7:16	8:29
Kota Kinabalu	4:49	12:14	3:35	6:24	7:38
Kuching	5:19	12:39	4:01	6:44	7:56